

REPRESENTASI SINTAKSIS OPERATOR BAHASA MELAYU BERDASARKAN PENDEKATAN TATABAHASA PERANAN DAN RUJUKAN

Ardiana Ali Amat
dian_lee11@yahoo.com

Maslida Yusof
maslida@ukm.my

Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Makalah ini meneliti bentuk dan peranan operator bahasa Melayu dari aspek sintaksis. Aspek sintaksis operator bahasa Melayu diteliti berdasarkan kerangka teori Tatabahasa Peranan dan Rujukan (TPR). Makalah ini menggunakan kata tugas yang disenaraikan dalam buku *Tatabahasa Dewan* sebagai asas analisis operator bahasa Melayu. Kajian ini menyenaraikan tujuh jenis operator dalam bahasa Melayu, iaitu aspek, status, modaliti, arah, penafian, pembuktian dan ilokusionari. Setiap operator ini mempunyai peranannya dalam Struktur Berlapisan Klausa (SBK), iaitu operator aspek, penafian dan arah mengubah suai ayat pada peringkat nukleus; operator modaliti pula mengubah suai peringkat inti, dan akhir sekali operator status, bukti dan ilokusionari pula mengubah suai ayat pada peringkat klausa. Dengan menggunakan kerangka TPR, kajian ini menunjukkan satu cara alternatif untuk menjelaskan bentuk dan peranan operator bahasa Melayu.

Kata kunci: operator, tatabahasa peranan dan rujukan, sintaksis, struktur berlapisan klausa, nukleus, inti dan klausa

Abstract

This article examines the nature and role of operators on aspects of Malay language syntax. Syntactic aspects of operators in Malay are examined using the theoretical framework of Role and Reference Grammar (RRG). Analysis of operators in Malay is based on the function words listed in the book Tatabahasa Dewan. This study reveals that the Malay language has seven types of operators, namely aspect, status, modality, direction, negation, evidential, and illocutionary force. Each operator has a role in the Layered Structure of the Clause (LSC), that is the operator aspect, negation and direction to modify the sentence on the nucleus level, modalities of the operator to modify the core layers, and finally, operator status, evidential and illocutionary operator also modify the clause level. By using the theoretical framework of RRG, this study demonstrates an alternative way to explain the nature and role of operators in Malay.

Keywords: operator, role and reference grammar, syntax, layered structure of the clause, nucleus, core and clause


PENDAHULUAN

Dalam bahasa Melayu, terdapat empat kata utama (major), iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata preposisi. Keempat-empat kata utama ini merupakan unsur inti dalam pembinaan frasa, iaitu frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa preposisi. Selain empat golongan kata utama, bahasa Melayu juga mempunyai sekumpulan kata minor, iaitu golongan kata yang tidak termasuk dalam kategori kata utama. Dalam bahasa Melayu, kategori bukan kata utama ini dikelaskan dalam kata tugas (Nik Safiah Karim *et al.*, 2004) atau kata fungsian (Asmah Haji Omar, 1975). Menurut Nik Safiah Karim *et al.* (2004), golongan kata tugas hanya diberikan makna sebagai kata yang mendukung tugas sintaksis tertentu dalam ayat, dan tidak ditunjukkan secara jelas bahagian yang diwakili kata tersebut dalam struktur sintaksis sesuatu ayat. Manakala Asmah Haji Omar (1975:173) pula menyimpulkan bahawa kata fungsian (*function words*) terdiri daripada sebarang jenis kata yang tidak termasuk dalam dua kategori utama, iaitu kata nominal dan kata verbal (Asmah Haji Omar, 1975:173–80). Dalam teori Tatabahasa Peranan dan Rujukan (*Role and Reference Grammar*), kategori kata yang dilabelkan sebagai “pembantu” golongan kata utama ini dikelaskan dalam satu kategori kata yang dipanggil operator.

Van Valin & Lapolla (1997) menyenaraikan lapan jenis operator yang lazimnya terdapat dalam bahasa-bahasa di dunia ini, iaitu aspek, penafian, kata arah (*directionals*), modaliti, status, kala, bukti dan ilokusionari. Namun, menurut mereka tidak semua jenis operator tersebut terdapat dalam sesuatu bahasa itu. Sebilangan bahasa lain mungkin mempunyai kurang daripada lapan jenis operator tersebut. Sehubungan dengan itu, makalah ini akan menunjukkan jenis-jenis operator dalam bahasa Melayu dan bagaimana operator ini diberikan representasi sintaksis dalam klausa mengikut teori sintaksis TPR.

KONSEP UTAMA TEORI TPR

Prosedur TPR berasaskan interaksi tiga konsep utama, iaitu struktur klausa (representasi sintaksis), struktur logik kata kerja (representasi semantik) dan struktur fokus (wacana) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Ketiga-tiga konsep ini akan dijelaskan untuk memberi gambaran lengkap tentang teori ini.



Rajah 1 Organisasi TPR.
(Sumber: Van Valin & LaPolla, 1997)

Rajah 1 memperlihatkan bahawa TPR merupakan teori monostrata. Teori ini menunjukkan pemetaan langsung atau perkaitan antara representasi semantik bagi ayat dengan representasi sintaksisnya melalui set rumus perkaitan yang dikenali sebagai algoritma perkaitan. Anak panah bagi rumus perkaitan adalah secara dua hala. Anak panah ini menunjukkan sistem hubungan TPR memetakan representasi semantik kepada representasi sintaksis dan juga memetakan representasi sintaksis kepada representasi semantik. Fokus makalah ini ditumpukan pada representasi sintaksis bagi operator dalam bahasa Melayu.

UNJURAN KONSTITUEN DALAM STRUKTUR BERLAPISAN KLAUSA

Dalam teori TPR, representasi sintaksisnya digambarkan dalam Struktur Berlapisan Klausa (SBK). SBK ini mengandungi dua komponen yang utama, iaitu unjuran konstituen dan unjuran operator.

Representasi optimal struktur klausa merupakan salah satu aspek penting dalam teori TPR. Representasi ini mencerminkan perbezaan universal yang berlaku dalam setiap bahasa. Namun, terdapat dua unsur yang memainkan peranan penting dalam sintaksis setiap bahasa, iaitu pertentangan antara elemen predikat dengan elemen bukan-predikat. Dalam kata lain, pertentangan antara frasa nama (FN) dengan kedudukan frasa (frasa preposisi atau posposisi), sama ada argumen kepada predikat itu ataupun sebaliknya (Van Valin & LaPolla, 1997:25). Pertentangan ini digambarkan dalam Rajah 2 di bawah.




Rajah 2 Pertentangan universal mendasari struktur klausa.
(Sumber: Van Valin & LaPolla, 1997:25)

Elemen predikat biasanya terdiri daripada kata kerja. Manakala FN dan frasa preposisi (FP) yang bukan argumen kepada predikat dipanggil sebagai bukan argumen. Menurut Maslida Yusof (2006:50), pertentangan ini ditemui dalam semua bahasa, tanpa mengira sama ada bahasa itu mempunyai ciri-ciri seperti berkonfigurasi atau tidak, berpadanan kepala atau berpadanan kebergantungan, aturan kata bebas atau aturan kata tetap dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, predikat hanya merujuk kepada elemen predikat, iaitu kata kerja, kata adjektif atau beberapa jenis kata nominal (Van Valin & LaPolla, 1997:26). Dalam klausa terdapat beberapa FN dan FP, sebahagian daripadanya merupakan argumen semantik kepada predikat, dan sebahagiannya pula bukanlah argumen kepada predikat. Oleh itu, kedua-dua elemen ini perlulah dibezakan. Perbezaan ini akan diuraikan berdasarkan perbezaan kedudukan antara INTI dengan SIPIAN dalam klausa. Rajah 3 yang berikut menunjukkan perbezaan kedudukan kedua-dua elemen ini.


KLAUSA



Rajah 3 Komponen bagi SBK.
 (Sumber: Van Valin & LaPolla, 1997:26)

Berdasarkan rajah di atas, NUKLEUS berada di dalam INTI suatu klausa itu. NUKLEUS biasanya mengandungi kata kerja (kadang kala juga terdiri daripada golongan kata adjektif dan kata nominal lain), dan INTI biasanya mengandungi nukleus dan argumennya. Manakala KLAUSA pula biasanya terdiri daripada inti, nukleus dan sipian. Namun, keseluruhan pertentangan dan hubung kait ini merupakan konstituen kepada SBK. Yang berikut merupakan contoh perkaitan hubungan unit-unit komponen SBK dalam ayat bahasa Melayu.

1. Muaz bermain bola di padang.



Rajah 4 Komponen bagi SBK.

Dalam Rajah 4, dapat dilihat bahawa lapisan yang paling dalam bagi klausa diisi komponen nukleus. Kata kerja *bermain* dalam ayat (1) menduduki gatra predikat. Manakala inti pula diduduki gatra nukleus sebagai argumen inti, iaitu terdiri daripada komponen argumen dan predikat. Dalam ayat (1), predikat *bermain* yang menduduki nukleus mempunyai dua argumen inti, iaitu *Muaz* dan *bola*. Terdapat dua jenis argumen inti, iaitu argumen langsung dan argumen tak langsung. Misalnya dalam ayat, *Ali memberi dua*

buah buku kepada adik, argumen langsung merujuk kepada “subjek” dan argumen tema yang “tak tertanda” (*unmarked*) bagi binaan dwitransitif, iaitu *dua buah buku*. Manakala argumen tak langsung pula merupakan argumen penerima yang “tertanda” bagi preposisi setiap *adik* dalam ayat tersebut. Seterusnya, akhir sekali ialah klausa, iaitu struktur paling luar dalam SBK. Klausa ini mengandungi atau mendiami inti dan sipian.

Manakala sipian atau adjung pula berada di luar inti yang diwakili frasa *di padang* dalam ayat (1). Sipian merupakan elemen opsyenal yang diperlukan oleh predikat. Sebagai contoh, dalam ayat (1) frasa *di padang* berfungsi sebagai sipian kerana frasa ini tidak wajib hadir untuk melengkapkan predikat *bermain*. Elemen-elemen nukleus, inti dan sipian ini merupakan fitur universal bagi klausa dan setiap bahasa menunjukkan fitur ini. Nukleus, inti dan sipian merupakan unit sintaksis, manakala unit “predikat” dan “argumen” pula merupakan unit semantik. Jadual 1, menunjukkan secara ringkas hubungan antara unit semantik dengan sintaksis ini.

Jadual 1 Unit semantik mendasari unit sintaksis bagi struktur berlapis klausa.


Elemen Semantik	Elemen Sintaksis
Predikat Argumen di dalam representasi Semantik bagi predikat	Nukleus Argumen inti
Bukan argumen	Sipian
Predikat + argumen	Inti
Predikat + argumen + bukan argumen	Klausa (= inti + sipian)

(Sumber: Van Vallin & LaPolla, 1997:27)


Selain nukleus, inti dan sipian, lapisan klausa juga mengandungi slot prainti (SPrI) dan/atau slot pascainti (SPaI). Kedua-dua unit ini berada dalam komponen klausa, tetapi di luar posisi inti. Misalnya, dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris kata soalan WH, iaitu WH-FN, merupakan unsur yang hadir pada slot prainti: *Apakah yang Ali lakukan terhadap adiknya?*

Selain SPrI dan SPaI, SBK juga turut mempunyai dua elemen yang lain, iaitu posisi berasingan kiri (PBK) dan posisi berasingan kanan (PBKn). Kedua-dua posisi ini mengandungi unsur-unsur seperti adverba dan FP yang

biasanya dipisahkan oleh kesenyapan atau hentian intonasi. Contohnya, dalam “Semalam, kami pergi memancing ikan”; kata “semalam” menduduki posisi PBK ini. Walau bagaimanapun, unsur-unsur seperti posisi PBK, PBKn, SPri dan SPai bukanlah aspek yang universal bagi struktur berlapisan klausa, kerana posisi-posisi ini tidak wajib hadir dalam ayat. Rajah 5 yang berikut menunjukkan gambaran keuniversalan SBK.



Rajah 5 Representasi formal bagi struktur berlapisan klausa.
(Sumber: Van Vallin & LaPolla, 1997:31)



Rajah 6 Contoh SBK (atau unjuran konstituen) bagi ayat mudah bahasa Melayu
(Sumber: Maslida Yusof, 2006:55)

Rajah 6 menunjukkan SBK ayat bahasa Melayu yang mengandungi hampirkeseluruhan elemen komponen klausa yang dibincangkan. Misalnya, ayat ini mengandungi elemen PBK yang diwakili adverb (semalam) dan SPri yang diwakili kata soal (apakah). Kedua-dua unit ini merupakan komponen klausa, tetapi berada di luar posisi inti. Selain itu, komponen klausa ini juga mengandungi unsur nukleus yang diwakili predikat kata kerja *beri*, inti mengandungi elemen nukleus dan argumen dan sipian diwakili frasa preposisi. Keseluruhan elemen ini merupakan komponen-komponen yang membina struktur ayat dalam rajah berkenaan.


UNJURAN OPERATOR

Selain unjuran konstituen, komponen kedua yang penting dalam teori TPR ialah operator. Misalnya, kata seperti *boleh* atau *tidak* dalam ayat bahasa Melayu berada pada domain posisi yang berbeza daripada predikat dan argumen. Namun, kata jenis ini sangat penting dan merupakan sebahagian daripada komponen dalam ayat.

Unsur dalam operator ini termasuklah kategori-kategori kata yang biasa dilihat seperti, aspek dan kala, dan juga unsur yang jarang-jarang diketahui seperti pembuktian (*evidential*). Selalunya, dalam bahasa Inggeris dan bahasa Indo-Eropah yang lain, operator ini dikelaskan atau dimasukkan dalam golongan kata kerja bantu. Manakala dalam bahasa-bahasa yang lain pula, operator ini dikodkan terikat sebagai imbuhan ataupun klitik. Namun begitu, operator ini sangat berbeza dengan predikat dan argumennya.

Walau bagaimanapun, fakta yang penting perlu diketahui tentang operator ini ialah operator yang berbeza mengubah suai lapisan yang berbeza pada suatu klausa; ada operator yang mengubah suai nukleus, inti dan sebahagiannya pula mengubah suai keseluruhan klausa. Secara umumnya, projeksi tatabahasa dalam unjuran struktur lapisan bagi klausa terbahagi kepada dua bahagian, iaitu unjuran konstituen dan unjuran operator. Kedua-dua unjuran ini digabungkan menerusi nukleus yang menjadi elemen pertengahan dalam klausa bagi kedua-dua unjuran dalam menerangkan peranan argumen, sama ada menjadi entiti utama dalam kategori gramatikal operator yang digambarkan. Rajah 7 menunjukkan representasi formal bagi unjuran operator dalam TPR.

REPRESENTASI SINTAKSIS OPERATOR BAHASA MELAYU



Rajah 7 SBK dengan unjuran konstituen dan unjuran operator.
 (Sumber: Van Valin & LaPolla, 1997:49)

Rajah 7 menunjukkan representasi lengkap SBK sebuah ayat, iaitu lengkap dengan komponen-komponen yang membentuk ayat berkenaan. Dalam rajah tersebut dapat dilihat bahawa struktur binaan utama ayat (klausa) terletak di bahagian atas SBK, dan dikenali sebagai unjuran konstituen. Manakala komponen yang mewakili representasi operator dalam ayat berkenaan pula terletak di bahagian bawah SBK yang disebut sebagai unjuran operator. Berdasarkan rajah berkenaan, jelas memperlihatkan bahawa setiap jenis operator ini mempunyai tempat atau kedudukan yang khusus dalam unjuran operator tersebut mengikut tahap lapisan klausa yang diubah suai olehnya.

REPRESENTASI SINTAKSIS OPERATOR BAHASA MELAYU

Melalui analisis yang dijalankan, didapati terdapat tujuh jenis operator yang wujud dalam bahasa Melayu, iaitu operator aspek, penafian, status, modaliti, arah, ilokusionari dan bukti. Dalam teori TPR, representasi sintaksisnya digambarkan dalam SBK. Walau bagaimanapun, SBK dalam TPR mengandungi dua komponen yang utama, iaitu unjuran konstituen dan unjuran operator. Unjuran konstituen mewakili struktur klausa yang mengandungi komponen seperti elemen predikat (predikat dan argumen) dan elemen bukan-predikat (sipian). Unjuran konstituen merupakan perwakilan utama struktur klausa dalam suatu ujaran itu. Hal ini, berbeza dengan unjuran operator.

OPERATOR ASPEK

Operator aspek merangkumi penjelasan tentang masa sekarang, masa lepas dan masa hadapan yang berlaku terhadap sesuatu peristiwa itu. Dalam SBK, operator *telah*, *sedang* dan *akan* digambarkan dalam unjuran operator yang berasingan daripada unjuran klausa (konstituen) yang sedia ada. Secara keseluruhannya, operator aspek merupakan operator yang mengubah suai lapisan nukleus. Yang berikut merupakan gambaran unjuran SBK operator *telah* yang mewakili operator aspek dalam bahasa Melayu.

Operator *telah*


Operator *telah* dalam bahasa Melayu merujuk kepada perbuatan atau keadaan masa yang lampau tetapi perbuatan itu boleh jadi selesai dan boleh jadi tidak selesai (Asmah Haji Omar, 1982:91). Ayat (2), merupakan contoh penggunaan operator *telah* dalam ayat bahasa Melayu. Manakala Rajah 8 pula menggambarkan representasi sintaksis operator ini dalam bentuk SBK bahasa Melayu.

Dalam Rajah 8, dapat dilihat bahawa SBK lazimnya dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian yang mewakili unjuran konstituen dan bahagian yang menggambarkan unjuran operator. Dalam Rajah ini, kata *telah* bertindak sebagai operator dalam ayat yang diwakili garis putus-putus, dan ditandakan kedudukannya sebagai operator nukleus (NUK) dengan simbol anak panah. Dalam SBK ini kata *telah* bertindak sebagai operator nukleus kerana operator ini hanya menerangkan atau

REPRESENTASI SINTAKSIS OPERATOR BAHASA MELAYU

menandakan struktur dalaman masa bagi perlakuan yang dilakukan tanpa merujuk kepada perkara yang lain. Misalnya, dalam ayat (2), operator *telah* menandakan atau menerangkan bahawa perbuatan *pulang* yang dilakukan tersebut telah berlaku. Operator *telah* hanya menerangkan perbuatan kata kerja tanpa melibatkan argumen dalam ayat tersebut. Argumen dalam ayat tersebut pula, secara keseluruhannya ditandakan oleh predikatnya, iaitu kata pulang. Oleh sebab operator *telah* hanya menerangkan bahagian predikat, maka operator *telah* ini dikenali sebagai operator yang mengubah suai nukleus atau operator nukleus. Hal ini kerana operator *telah* hanya mengubah suai kata kerja atau predikat dalam ayat berkenaan, tanpa melibatkan argumen atau konstituen ayat yang lain.

2. Pekerja itu *telah* pulang. (*Tatabahasa Dewan*, 2010:259)



Rajah 8 Gambaran unjuran operator *telah* dalam SBK bahasa Melayu.

OPERATOR PENAFIAN

Dalam bahasa Melayu, operator penafian merujuk secara terus kepada kata nafi, iaitu *tidak* dan *bukan*. Kata *bukan* dan *tidak* ini menjadi unsur penafian kepada FN, FP, FK dan FA yang terletak dalam predikat. Kata nafi *bukan* diletakkan sebelum unsur FN, dan FP. Manakala kata nafi *tidak* pula hanya boleh hadir sebelum unsur FK dan FA. Dalam bahasa Melayu operator penafian ini merupakan operator yang bertanggungjawab mengubah suai klausa pada lapisan atau peringkat nukleus. Pengubahsuaian nukleus bermaksud operator ini hanya menerangkan tentang kata kerja yang terkandung dalam ayat yang dinaunginya. Hal ini kerana, elemen nukleus mengandungi komponen predikat, dan predikat ini pula merujuk kepada kata kerja dalam ayat. Oleh itu, operator nukleus sebenarnya hanya memberi penekanan makna kepada kata kerja.


Dalam ayat (3) dapat dilihat bahawa kata *bukan* berfungsi sebagai operator penafian. Oleh itu dalam SBK, iaitu pada Rajah 10, kata *bukan* ini ditandakan dengan garis putus-putus, dan dilabelkan dengan simbol anak panah yang disambungkan pada unjuran operator (NUK/nukleus) untuk menunjukkan kedudukannya. Maka melalui SBK tersebut, maklumat tentang jenis atau peringkat klausa yang diubah suai oleh operator *bukan* telah ditunjukkan. Melalui SBK tersebut juga dapat diketahui bahawa operator *bukan* merupakan operator penafian yang mengubah suai tahap nukleus (NUK) dalam klausa. Operator *bukan* dikatakan mengubah suai tahap nukleus klausa kerana *bukan* hanya menafikan bahagian kata kerja (predikat) tetapi tidak menafikan elemen argumen (subjek atau objek) dalam ayat berkenaan. Menurut Van Valin dan LaPolla (1997:45), kadangkala sedikit objek langsung sahaja yang boleh dinafikan. Hal ini kerana, skop penafian hanya tertakluk pada bahagian inti tetapi tidak merangkumi keseluruhan konstituen ayat. Sehubungan itu, operator *bukan* dalam ayat (3) merupakan operator nukleus yang hanya menafikan bahagian nukleus (predikat), seperti yang digambarkan dalam Rajah 9.

OPERATOR MODALITI

Terdapat beberapa jenis kata bahasa Melayu yang tergolong dalam kategori operator modaliti, iaitu seperti *mesti* dan *harus* (yang membawa makna kata kewajipan atau *obligation*), *boleh* (kata memberikan keizinan), *dapat* dan *mampu* (kata berbentuk keupayaan melakukan sesuatu), dan *perlu* (kata akuan janji). Kesemua operator modaliti mengubah suai ayat pada peringkat atau lapisan inti. Hal ini bermaksud, operator modaliti ini

hanya mengekodkan sebahagian makna argumen dan predikat dalam ayat berkenaan.

3. Projek itu *bukan* usaha saya. (*Tatabahasa Dewan*, 2010:263)




Rajah 9 Gambaran unjuran operator *bukan* dalam SBK bahasa Melayu.

Operator *mesti*

Operator *mesti* dalam bahasa Melayu, merupakan operator yang membawa makna kewajipan untuk melakukan suatu perlakuan. Asmah Haji Omar (1982) menyatakan bahawa kata modaliti ini merujuk kepada *kemestian*. Rajah 10 merupakan gambaran operator modaliti *mesti* dalam SBK ayat bahasa Melayu.

4. Mereka *mesti* ke pejabat segera. (*Tatabahasa Dewan*, 2010:259)



Rajah 10 Gambaran unjuran operator *mesti* dalam SBFN bahasa Melayu.

Rajah 10 menunjukkan struktur berlapisan frasa nama (SBFN) bagi ayat (4). Dalam ayat (4) tersebut tidak terdapat frasa kerja yang boleh menjadi predikat yang menaungi ayat berkenaan. Oleh itu, frasa nama *mereka* mengambil alih tugas berkenaan sebagai rujukan (RUJ) yang menyambungkan unjuran konstituen dan unjuran operator. Dalam SBFN tersebut, kata *mesti* berfungsi sebagai operator modaliti yang mengubah suai ayat (4) pada peringkat inti. Operator *mesti* dalam SBFN ditandakan dengan garis putus-putus, dan digambarkan kedudukannya dalam unjuran operator melalui simbol anak panah. Operator *mesti* dikatakan mengubah suai peringkat inti kerana operator ini bukan hanya menerangkan predikat (kata kerja) tetapi juga mempunyai kaitan dengan salah satu argumen dalam konstituen tersebut, iaitu *ke pejabat*. Dalam SBFN tersebut, operator *mesti* menerangkan tentang arah perlakuan yang dilakukan (digambarkan oleh kata preposisi *ke*), dan secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan lokasi lakuan dalam ayat tersebut, iaitu *ke pejabat* yang berfungsi sebagai argumen.

Oleh itu, disebabkan operator *mesti* menerangkan atau menandakan tentang predikat (yang diwakili oleh kata preposisi *ke*) dan secara tidak langsung mempunyai perkaitannya dengan argumen (lokasi arah), maka operator ini dianggap sebagai operator inti. Hal ini kerana, dalam konstituen klausa elemen inti mengandungi unsur predikat dan argumen sahaja.

OPERATOR STATUS

Operator status dalam bahasa Melayu sebenarnya merupakan operator yang hampir sama dengan modaliti kerana berkongsi kata kerja modus yang sama, yang dibezakan sedikit oleh makna. Jika operator modaliti memberikan penekanan yang kuat terhadap lakuan FN, operator status pula merupakan versi penekanan yang lebih ringan dikenakan terhadap lakuan berkenaan. Misalnya, menggantikan kata kewajipan (*obligation*), seperti *kemestian* kepada *keperluan* yang merujuk kepada keperluan (tidak wujud tekanan atau keterpaksaan) untuk melakukan sesuatu. Maka, dalam bahasa Melayu kata *mesti* digantikan dengan kata *perlu*. Sebagai ganti kepada keupayaan memberi izin pula seperti *boleh* menjadi *patut*, iaitu kata yang membawa makna kemungkinan. Penukaran kata *boleh* kepada *patut* mengurangkan tekanan kepada FN (subjek) untuk mencapai sesuatu maklumat (lakuan dalam ujaran).

Secara umumnya, terdapat klausa yang perlu mempunyai status jika perlu sahaja. Oleh itu, penekanan terhadap lakuan dalam hal ini tidak diperlukan. Contohnya, *Dia patut datang bulan lalu*. Dalam ayat ini, “dia” sepatutnya (*mesti*) datang bulan lalu, tetapi disebabkan kata *patut* meringankan ayat ini maka, tiada tekanan diberikan kepada “dia” untuk datang memenuhi matlamat tersebut.

Dalam bahasa Melayu, antara contoh kata yang tergolong atau bertindak sebagai operator status ialah kata *perlu*, *patut*, *mungkin*, *hendak*, *mahu*, dan *ingin*. Operator status merupakan operator yang mengubah suai keseluruhan klausa. Oleh itu, operator ini dikenali sebagai operator klausa. Operator status merupakan operator yang mempunyai peranan yang hampir sama dengan modaliti. Hal ini kerana, kedua-dua operator berkenaan berkongsi kata kerja modus yang sama, yang hanya dibezakan sedikit oleh makna. Jika operator modaliti memberikan penekanan atau pemberatan terhadap lakuan FN, operator status pula lebih kepada versi yang lebih ringan yang dikenakan terhadap lakuan sesuatu FN (argumen) itu. Oleh sebab penekanan dalam operator modaliti lebih banyak terhadap predikat dan lakuan FN (argumennya) tanpa melihatkan subjek, maka

ini menjadikan operator modaliti cenderung menerangkan bahagian inti sahaja.

Manakala dalam operator status pula penekanan tidak diberikan pada mana-mana bahagian khusus, sebaliknya operator status menerangkan keseluruhan ayat termasuk kemampuan atau syarat “realis” yang membolehkan subjek melakukan lakuan FN dalam ayat berkenaan. Dalam ayat yang mengandungi operator status, wujud makna semantik *kemungkinan* sama ada perlu melakukan atau tidak sesuatu lakuan itu. Hal ini bergantung pada kewajaran atau keperluan subjek untuk melakukan lakuan dalam ujaran berkenaan bagi subjek. Dalam keadaan ini, subjek mempunyai pilihan sama ada ingin melakukannya atau tidak. Namun, ayat yang mengandungi operator modaliti, subjek dalam ayat tersebut mesti (wajib) melaksanakan lakuan dalam ayat berkenaan.

Misalnya dalam ayat *Dia mesti datang bulan ini*, yang merupakan versi modaliti ini, wujud penekanan atau pemberatan terhadap FN (*dia*) untuk melakukan lakuan, iaitu datang pada tempoh masa yang telah ditetapkan dan FN tersebut tidak boleh menolak. Sebaliknya, dalam versi status yang lebih ringan pula ayat tersebut berubah menjadi, *Dia patut datang bulan ini*. Dalam ayat berkenaan tidak wujud tekanan atau pemberat terhadap FN untuk melakukan sesuatu lakuan itu. FN dalam ayat tersebut mempunyai pilihan sama ada ingin datang atau tidak pada tempoh masa yang telah ditetapkan. Oleh itu, jelaslah di sini sungguhpun operator modaliti dan status berkongsi modus kata kerja yang sama tetapi makna semantik yang dibawa oleh kedua-dua operator ini membezakan jenis, peranan dan fungsi masing-masing.

Operator *patut*


Operator *patut* dalam bahasa Melayu, merupakan kata yang membawa makna kemungkinan. Operator *patut* merupakan versi yang lebih ringan dari segi penekanan makna terhadap FN, menggantikan operator modaliti *boleh*. Ayat (5) ialah contoh penggunaan operator *patut* dalam bahasa Melayu dan bentuk unjuran operator seperti dalam Rajah 11.

Dalam Rajah 11, dapat dilihat bahawa kata *patut* berfungsi sebagai operator status dalam ayat berkenaan. Oleh itu, dalam SBK tersebut kata *patut* ditandakan dengan garis putus-putus dan dilabelkan kedudukannya pada peringkat klausa dalam unjuran operator dengan simbol anak panah. Maka, melalui SBK berkenaan diketahui bahawa operator status *patut* merupakan operator yang mengubah suai klausa ayat. Hal ini bermaksud,

REPRESENTASI SINTAKSIS OPERATOR BAHASA MELAYU

operator *patut* menerangkan bukan hanya elemen predikat, tetapi keseluruhan konstituen ayat. Misalnya, dalam ayat (5) operator *patut* menunjukkan hubungan perlakuan yang wajib dilakukan atau penekanan lakuan yang mesti dilakukan oleh subjek terhadap argumen yang telah ditandakan oleh kata kerjanya. Oleh itu, dalam hal ini operator *patut* bukan hanya menerangkan predikat (*datang*), tetapi juga mengekod atau menandakan argumen dalam ayat, iaitu menandakan subjek (*dia*) untuk melakukan lakuan *datang* kepada objek dalam tempoh masa yang telah ditetapkan (*bulan lalu*) dalam ayat berkenaan. Berdasarkan penerangan yang diberikan, jelas bahawa operator harus merupakan operator klausa kerana operator ini menerangkan keseluruhan posisi dan konstituen di dalam ayat (5).

5. Dia *patut* datang bulan lalu. (*Tatabahasa Dewan*, 2010:259)



Rajah 11 Gambaran unjuran operator *patut* dalam SBK bahasa Melayu.

OPERATOR ILOKUSIONARI

Operator ilokusionari merupakan operator yang bersifat universal. Semua bahasa di dunia mesti memiliki operator jenis ini yang wujud dalam ujaran atau bahasa masing-masing. Ilokusionari merujuk sama ada suatu ujaran itu berbentuk pernyataan (penegasan), pertanyaan, arahan atau pernyataan permintaan. Ilokusionari ialah operator yang berperanan untuk mengubah suai klausa secara keseluruhannya. Dalam bahasa Melayu, operator ilokusionari didapati wujud dalam ujaran yang berbentuk pertanyaan, permintaan, penegasan, pengumuman dan sebagainya. Semua bentuk ujaran ditandakan oleh operator ilokusionari.

Walau bagaimanapun, tiada perkataan khusus yang menandakan operator ilokusionari ini. Dalam keadaan tertentu misalnya, suatu ayat yang mempunyai perkataan seperti *tolong*, *sila*, *jangan*, kata soalan dan partikel *-lah*, seolah-olah memberikan tanda atau mengekodkan bahawa ayat tersebut mengandungi operator ilokusionari. Namun, hakikatnya tiada penanda yang nyata untuk operator ini. Hal ini kerana, semua bentuk ayat yang diujarkan sama ada terdiri daripada klausa yang biasa mahupun daripada semua FN, sememangnya mengandungi operator ilokusionari. Yang berikut merupakan beberapa contoh klausa yang menunjukkan gambaran operator ilokusionari dalam bahasa Melayu, iaitu ilokusionari bentuk soalan.


Operator Ilokusionari Soalan

Ilokusionari soalan, merujuk kepada bentuk ujaran yang digunakan untuk bertanya atau meminta maklumat daripada seseorang. Dalam bahasa Melayu, ujaran berbentuk soalan diwakili simbol (?) dalam tulisan dan kata ganti tanya seperti kata *apa*, *bila*, *di mana*, *bagaimana*, *siapa*, *berapa* dan sebagainya. Ayat (6) di bawah merupakan contoh operator ilokusionari soalan yang wujud dalam bahasa Melayu. Manakala Rajah 12 pula menunjukkan gambaran unjuran operator ini dalam bentuk SBK.

Berdasarkan Rajah 12, dapat dilihat bahawa terdapat dua jenis operator yang mengubah suai SBK berkenaan, iaitu operator ilokusionari dan operator arah. Dalam SBK di atas operator ilokusionari diwakili garis putus-putus dan ditandakan pada lapisan klausa, manakala operator arah pula ditandakan pada lapisan nukleus. Maka, berdasarkan Rajah 12, diketahui bahawa operator ilokusionari merupakan operator yang mengubah suai ayat pada tahap klausa. Dalam hal ini, operator ilokusionari dikenali dalam

ayat berkenaan melalui partikel *-kah* atau kata soal (*apakah*) yang terdapat dalam ayat tersebut. Partikel ini menunjukkan bahawa jenis ayat yang diujarkan tersebut merupakan ayat soal. Oleh itu, secara tidak langsung partikel *-kah* atau kata soal ini juga menandakan keseluruhan ayat atau klausa sebagai ayat tanya. Selain itu, dalam ayat berkenaan partikel *-kah* juga berfungsi sebagai operator ilokusionari penegasan. Hal ini kerana dalam bahasa Melayu partikel *-kah* ini dianggap sebagai penegas kata tanya (Nik Safiah Karim *et al.*, 2010). Maka, jelaslah bahawa operator ilokusionari ini merupakan operator yang menandakan atau mengubah suai ayat pada peringkat klausa.

6. Apakah yang ada di dalam kotak itu? (*Tatabahasa Dewan*, 2010:256)



Rajah 12 Gambaran unjuran operator ilokusionari dalam SBK ayat tanya bahasa Melayu.

Van Valin & LaPolla (1997) menyatakan bahawa terdapat kemungkinan dalam sesebuah bahasa itu jenis ayatnya dan bentuk ujarannya dibezakan melalui tanda (simbol) prosodi sahaja atau melalui penambahan partikel pada akhir suatu kata tertentu. Dalam Rajah 13, dapat dilihat bahawa bentuk ujaran ayat (6) secara keseluruhannya ditentukan oleh partikel *-kah* dan kata soal *apa* yang terdapat dalam ayat berkenaan. Dalam ayat berkenaan jelas menunjukkan bahawa operator ilokusionari menandakan ayat (6) sebagai ayat bentuk soalan, dan disebabkan operator ini menandakan jenis-jenis ayat (klausa) yang diujarkan, maka digelar sebagai operator klausa.

Berdasarkan analisis terhadap operator ilokusionari yang telah dilakukan, jelas menunjukkan bahawa operator ini bukanlah diwakili suatu perkataan tertentu, sebaliknya operator ini menandakan jenis-jenis ujaran yang dihasilkan oleh perkataan yang mewakilinya dalam ayat berkenaan. Oleh sebab operator ilokusionari melihat bentuk ujaran yang diujarkan, maka secara tidak langsung operator ini menandakan skopnya sebagai operator klausa. Dalam erti kata yang lain, operator ilokusionari ini sebenarnya menandakan *mood* percakapan atau ujaran.

OPERATOR ARAH

Operator arah, seperti juga namanya, menyatakan tentang arah atau hala tuju pergerakan sesuatu perbuatan itu. Operator arah boleh juga menandakan arah perlakuan itu sendiri atau menyatakan pergerakan salah satu daripada argumen inti dalam klausa. Dalam bahasa Melayu, operator arah ini diwakili secara langsung oleh kata arah. Menurut Nik Safiah Karim *et al.* (2010), kata arah ialah sejumlah perkataan yang hadir sebelum frasa dan lazimnya sesudah kata sendi nama (kata preposisi) untuk menunjukkan hala atau jurusan. Namun, lazimnya kata arah ini menjadi sebahagian daripada binaan frasa preposisi (FP), iaitu gabungan antara kata preposisi, kata arah dengan kata nama (FN). Contohnya dalam ayat, *Mereka bersembunyi di bawah rumah*. Dalam ayat ini kata arah *bawah* menunjukkan arah atau hala tuju perbuatan bersembunyi yang dilakukan oleh FN “mereka”.


Dalam TPR, operator arah mengubah suai klausa pada tahap nukleus. Oleh itu, operator arah ini juga dikenali sebagai operator nukleus. Operator arah disebut sebagai operator nukleus kerana hanya menerangkan makna atau menandakan arah predikat (kata kerja) yang terdapat dalam ayat berkenaan tanpa merujuk elemen-elemen konstituen yang lain atau argumen. Argumen dalam ayat biasanya ditandakan oleh predikat itu sendiri. Antara contoh kata arah yang sering digunakan dalam bahasa Melayu ialah *atas*,

antara, bawah, tepi, belakang, tengah, dalam, luar, sisi, penjuru, sudut, segi, selatan, samping, timur, barat, hadapan, utara, dan sebagainya (Nik Safiah Karim *et al.*, 2010:286). Rajah 13, menunjukkan contoh kedudukan operator arah yang wujud dalam SBK ayat bahasa Melayu.

Operator Arah *atas*

Dalam Rajah 13, dapat dilihat bahawa kata *atas* berfungsi sebagai operator arah bagi ayat berkenaan. Maka, untuk menandakan kedudukan operator *atas* dalam unjuran operator ditandakan dengan garis putus-putus dan simbol anak panah pada lapisan nukleus (NUK).

7. Buku itu ada di atas meja. (*Tatabahasa Dewan*, 2010:286)



Rajah 13 Gambaran unjuran operator *atas* dalam SBK bahasa Melayu.

Melalui rajah tersebut juga diperhatikan, penandaan ini secara tidak langsung menyatakan bahawa kata *atas* merupakan operator arah yang mengubah suai lapisan nukleus klausa. Operator *atas* dikatakan mengubah suai lapisan nukleus sahaja kerana operator ini secara tepat mengekod atau menerangkan lokasi predikat itu berada (wujud), iaitu bukan di bawah, di tepi dan sebagainya, tetapi berada di bahagian atas. Dalam ayat berkenaan, operator *atas* tidak menandakan elemen konstituen atau argumen lain. Hal ini kerana, argumen (*meja*) secara tidak langsung ditandakan dengan kata preposisi (*di*). Manakala semua argumen dalam ayat pula ditandakan dengan predikat *ada*.

Melalui analisis yang dilakukan terhadap operator arah, didapati operator ini hanya mengubah suai klausa pada tahap nukleus sahaja. Dalam erti kata yang lain operator arah hanya menandakan atau memberikan makna arah kepada predikat ayat sahaja tanpa mengaitkan argumen atau elemen lain dalam konstituen ayat. Manakala elemen-elemen lain atau argumen ayat itu pula dikodkan secara langsung oleh predikat yang terkandung dalam ayat tersebut.


OPERATOR BUKTI

Pembuktian atau bukti merujuk kepada membenaran atau kesahihan maklumat (perkara) yang diujarkan. Dalam bahasa Melayu pembuktian diwakili oleh kata pembenar. Menurut Nik Safiah Karim *et al.* (2010), Kata pembenar ialah perkataan yang mengesahkan sesuatu pernyataan. Penegasan tersebut bukanlah terhadap perlakuan tetapi menegaskan bahawa ujaran yang dituturkan tersebut adalah benar atau sah. Contoh kata pembenar dalam bahasa Melayu ialah *ya*, *benar* dan *betul*. Maka berdasarkan definisi yang diberikan tadi jelas menunjukkan, kata pembenar dalam bahasa Melayu ini berperanan sebagai operator pembuktian. Kata pembenar dalam bahasa Melayu ini pula digolongkan dalam kumpulan kata praklausa. Oleh itu, dalam SBK kata ini dilabelkan di bahagian kiri SBK, dan disambungkan di bawah nodus klausa, iaitu menduduki elemen slot-prainti (SPri). Rajah 14 menunjukkan bahawa kata *betul* yang dianggap sebagai operator bukti. Dalam bahasa Melayu, operator bukti ini merupakan operator yang mengubah suai peringkat klausa.

Operator betul

Dalam bahasa Melayu, kata *betul* merupakan kata yang berperanan sebagai perkataan yang mengesahkan sesuatu pernyataan. Manakala dalam TPR, perkataan ini berfungsi sebagai operator bukti (pembuktian) yang berupaya mengubah suai lapisan klausa. Hal ini bermaksud, operator ini berperanan menerangkan dan memberikan makna tambahan pada keseluruhan klausa. Rajah 14 yang berikut menunjukkan contoh SBK bagi operator *betul* dalam bahasa Melayu.

8. Betul, tanyalah dia. (*Tatabahasa Dewan*, 2010:257)



Rajah 14 Gambaran unjuran operator *betul* dalam SBK bahasa Melayu.

Dalam rajah di atas, bagi menandakan kedudukan operator *betul* dalam SBK berkenaan, maka garis putus-putus dan simbol anak panah ditandakan pada peringkat klausa dalam unjuran operatornya. Melalui gambaran SBK berkenaan dapat dilihat bahawa terdapat dua jenis operator yang wujud dalam ayat berkenaan, iaitu operator bukti dan operator ilokusionari penegasan. Kedua-dua operator berkenaan merupakan operator yang mengubah suai tahap klausa. Operator *betul* dikatakan mengubah suai klausa kerana operator ini memberikan makna pengesahan bahawa keseluruhan ayat yang diujarkan dalam ayat (8) tersebut adalah benar. Manakala operator ilokusionari penegasan berkenaan pula menegaskan keseluruhan ayat berkenaan. Maka, kedua-dua operator itu bukan hanya menerangkan predikat tetapi juga mengekodkan argumen-argumen dalam ayat berkenaan.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis tentang jenis-jenis operator dalam bahasa Melayu, kedudukan peranan kesemua operator ini dalam struktur berlapisan klausa boleh diringkaskan seperti yang berikut.


1. **Operator nukleus** – operator yang berada pada paras nukleus, mengubah keadaan lakuan, peristiwa dan keadaan rujukan peserta. Operator ini terdiri daripada operator aspek, penafian dan arah.
2. **Operator inti** – operator yang berada pada paras inti, mengubah suai hubungan antara sebahagian argumen dengan predikat yang merupakan komponen kepada inti dalam klausa. Operator tahap ini terdiri daripada operator modaliti sahaja.
3. **Operator klausa** – operator yang berada pada paras klausa, iaitu mengubah keseluruhan klausa. Operator ini terdiri daripada status, pembuktian (bukti), dan ilokusionari.

Dalam teori TPR, operator ini berfungsi sebagai kategori kata yang mengubah suai peringkat atau lapisan tertentu dalam komponen klausa. Hal ini bermaksud, operator berperanan dalam menambahkan maklumat, menerangkan serta mengekodkan sebarang bahagian dalam komponen klausa, mengikut jenis-jenis operatornya. Oleh itu, TPR menggolongkan

REPRESENTASI SINTAKSIS OPERATOR BAHASA MELAYU

operator ini dalam satu kelompok yang tersendiri dan mempunyai representasi sintaksis berasingan daripada konstituen utama klausa.

Dalam erti kata yang lain, peranan operator ini dilihat melalui hubung kaitnya dengan predikat dalam argumen dalam sesebuah klausa itu. Umumnya, kedudukan dan peranan operator dalam bahasa Melayu dapat diringkaskan dan dilihat melalui rajah unjuran operator yang berikut.



Rajah 15 Kedudukan operator dalam unjuran operator dan peringkat klausa yang diubahsuainya.

Melalui analisis yang dilakukan juga terbukti bahawa operator bukan semata-mata menjadi penerang atau mengikuti kata kerja seperti yang dikatakan umum sebelum ini. Sebaliknya, suatu operator itu juga boleh menerangkan argumen dan predikat klausa secara keseluruhan. Selain itu, didapati bahawa operator yang wujud dalam satu kelompok yang sama, seperti dalam kes kata bantu ragam, tidak semestinya mempunyai peranan dan fungsi yang sama dalam mengubah suai ayat. Oleh itu, kerangka teori TPR telah berjaya menjelaskan peranan operator bahasa Melayu dalam klausa secara menyeluruh.

RUJUKAN

- Akira Ishikawa, 2001. "A Functional Operator-Based Morphological Analysis of Japanese". <http://www.buffalo.edu/research/rrg/vanvalin>. Capaian 5 Januari 2009.
- Asmah Haji Omar, 1975. *Essays on Malaysian Linguistics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslida Yusof, 2006a. "Representasi Semantik Preposisi dalam Kata Kerja Bahasa Melayu" dlm. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jil. 17.
- Maslida Yusof, 2006b. "Struktur Leksikal dalam Sintaksis dan Semantik: Kajian Terhadap Kata Kerja dan Preposisi Bahasa Melayu". Tesis PHD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 2004. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 2010. *Tatabahasa Dewan*. Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Van Valin, R.D. & LaPolla, R., 1997. *Syntax: Structure, Meaning and Function*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Van Valin, R.D., 2005. *Exploring the Syntax-Semantics Interface*. New York: Cambridge University Press.